



Sari 26 (2008) 63 - 70

Implikasi Politik Melayuisme Sama-Bajau di Malaysia

GUSNI SAAT

ABSTRAK

Rencana ini membincangkan implikasi politik Melayuisme Sama-Bajau di Malaysia. Sama-Bajau di Sabah adalah mereka yang berasal dari Johor, yang secara ideologi etnik bermaksud mereka sebahagian dari rumpun etnik Melayu. Setiap kali berdepan dengan konflik lokal seperti politik dan identiti, Sama-Bajau akan kembali kepada Melayu bagi mendapatkan kekuatan. Seluruh proses ini dirujuk sebagai Melayuisme Sama-Bajau yang juga dikongsi semua suku peribumi Islam di Sabah. Rencana ini menghujahkan bahawa sumber kekuatan pengaruh politik Melayu di Sabah ialah Melayuisme Sama-Bajau dalam kumpulan Peribumi Islam.

Kata kunci: Melayuisme, Sama-Bajau, peribumi Islam

ABSTRACT

This paper discusses political implications of Sama-Bajau's Malayism in Malaysia. Sama-Bajau in Sabah claim that they came from Johor. This means ethnically and ideologically they are Malays. Whenever they encounter any local conflict, such as identity and political conflicts, a Sama-Bajau will look to the Malay culture for source of strength. This process is referred to as Malayism of the Sama-Bajaus. The argument of this paper is that the source of Malay political consolidation in Sabah is the Malayism of the Sama-Bajau and other Muslim indigenous peoples.

Key words: Malayism, Sama-Bajau, Muslim indigenous peoples.

INTRODUCTIONPENGENALAN

Sama-Bajau ialah suku etnik Melayu maritim. Mereka kini menjadi peribumi di tiga buah negara, Malaysia, Filipina dan Indonesia, dengan populasi tidak kurang satu juta orang (Gusni 2007). Perubahan sejarah sosial suku etnik Sama-Bajau di Kepulauan Melayu sama ada di Filipina, Malaysia dan Indonesia tidak dapat dipisahkan dari kebudayaan etnik Melayu kerana mereka juga sebahagian daripada sub-rumpun etnik Melayu yang kini tersebar ke seluruh Kepulauan Melayu.



Ikatan biologi orang Sama-Bajau dengan etnik Melayu membuatkan diaspora mereka di mana sahaja mereka berada, tetapi sentiasa mengikat asal-usul mereka dengan Johor. Konsep diaspora Sama-Bajau bukan berasaskan wilayah kerana mereka tidak mempunyai tempat asal seperti orang Jawa yang berasal dari Pulau Jawa, orang Bugis dari Sulawesi Selatan dan orang Suluk dari Pulau Sulu. Sebaliknya diaspora orang Sama-Bajau lebih kepada ideologi etnik, maka Johor bermaksud mereka berasal dari rumpun etnik Melayu di Semenanjung Melayu. Kesannya keperibadian dan identiti budaya Sama-Bajau lebih menunjang dalam peradaban Melayu Islam. Mempertahankan keperibadian identiti budayanya bermakna Sama-Bajau mempertahankan Melayu dan Islam.

Hilang keperibadian etnik bermakna mereka kehilangan Melayu dan Islam, seperti yang terjadi di kalangan komuniti suku Sama-Bajau di Kepulauan Samar, Filipina, yang kini telah menganut agama Kristian (Mohd. Taib 1988). Makalah ini membicarakan implikasi politik Melayuisme Sama-Bajau di Sabah. Daripada analisis ini akan dibuat interpretasi tentang kaitannya dengan pengaruh politik Melayu semasa di Sabah.

MELAYUISME SAMA-BAJAU

Melayuisme dirujuk sebagai alam kesedaran. Di dalamnya terkandung banyak unsur, termasuk perasaan, fikiran, nilai dan tindakan individu dan kolektif, yang menunjang kepada keperibadian dan peradaban Melayu. Implikasi proses Melayuisme yang berlangsung dalam alam kesedaran subjektif suku etnik Melayu itu memperkukuhkan lagi Melayu. Melayuisme Sama-Bajau adalah proses alam kesedaran mereka yang menunjang kepada keperibadian dan peradaban Melayu yang pada akhirnya menyumbang kepada pengukuhan Melayu di bumi mereka berada. Kepada masyarakat Sama-Bajau di Alam Melayu, terutamanya di Sabah, Melayuisme adalah proses yang berterusan sejak abad ke-15 sehingga abad ke-21. Penggerak Melayuisme yang berterusan ini ialah pertama diaspora Sama-Bajau dan kedua, konflik lokal yang berpunca dari pergeseran identiti serta politik dengan beberapa suku etnik lain yang menolak Melayu sebagai etnik induk mereka.

Melayu seperti yang ditakrifkan dalam perlembagaan Malaysia mempunyai kesan negatif ke atas rumpun etnik Melayu bukan Islam di Sabah. Mereka umumnya memilih istilah Anak Negeri (Native People) bagi membezakan diri dengan etnik Melayu. Kewujudan suku etnik yang tidak mengaku diri sebagai rumpun Melayu ini menyumbang kepada proses Melayuisme di kalangan kumpulan suku etnik beragama Islam, terutamanya suku Sama-Bajau, iaitu suku etnik Islam yang terbesar di Sabah (Gusni 2004). Melayuisme di kalangan suku peribumi Islam di Sabah semakin tajam setelah bermulanya proses Kristianisasi oleh golongan mubaligh Kristian sejak tahun 1800-an, maka melahirkan



kelompok peribumi Kristian. Perbezaan identiti etnik dua kelompok suku peribumi Islam/Melayu dan bukan Kristian/bukan Melayu itu telah menjadi punca konflik politik sesama mereka, khususnya sejak tahun 1950-an.

PROSES MELAYUISME

Kesedaran politik Sama-Bajau di Kepulauan Melayu di Filipina, Indonesia dan Malaysia kuat dipengaruhi politik Melayu. Tahap perkembangannya merangkumi zaman peribumi, zaman kolonial dan zaman merdeka. Perkembangan politik Sabah terbahagi kepada tiga fasa, pra-kolonial dan era-kolonial dan era merdeka, dengan setiap satunya dicirikan nilai politik yang berbeza. Politik peribumi pra-kolonial dipengaruhi politik Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu (Sabihah 1985); politik peribumi era kolonial didominasi politik kapitalis-kolonial Barat dan politik peribumi era merdeka pula dipengaruhi politik Malaysia.

Pada era peribumi, politik Sama-Bajau terjelma dalam rangka hubungan ekonomi dan politik dengan kelompok masyarakat yang dominan di Filipina, Indonesia, Borneo dan kini Malaysia. Hubungan Sama-Bajau dengan Brunei dikisahkan dalam *Silsilah Kesultanan Melayu Brunei* sekitar tahun 1735 (Abu Bakar 1995). Ia mengenai perkahwinan Sultan Abdul Kahar dengan seorang puteri Bajau yang telah melahirkan seorang putera yang diberi gelaran Bendahara Seri Maharaja Sakam. Beliau yang bersaudara dengan Sultan Saiful Rizal itu telah diberikan kuasa oleh Brunei untuk memerintah Tanah Bajau yang meliputi Utara Borneo (Sabah) hingga ke Pulau Luzon.

Bendahara Seri Maharaja Sakam terkenal sebagai orang yang gagah dan pada tahun 1578 telah berjasa kepada Brunei kerana menyelamatkan Kesultanan Melayu Brunei daripada jatuh ke tangan kuasa Sepanyol. Ketika Sultan Brunei berundur ke daerah pedalaman untuk mengelak dari serangan tentera Sepanyol (Sweeney 1967), Bendahara Sakam telah mematahkan serangan asing itu dan memulihkan takhta pemerintahan Sultan Saiful Rizal sebagai Sultan Brunei.

Di Filipina, suku Sama-Bajau mempunyai hubungan baik dengan Syarif Muhammad Kabungsuan, seorang tokoh pendakwah dan politik yang bertanggungjawab menyebarkan Islam di wilayah Marano di Pulau Mindanao dan seterusnya mengasaskan Kesultanan Mindanao. Atas bantuan suku Sama-Bajau, setelah belayar dari Johor dengan menaiki *flotilla Bajau*, beliau telah sampai ke Pulau Mindanao (Saleeby 1905). Di Indonesia, Sama-Bajau juga mempunyai hubungan politik dengan beberapa buah kerajaan di Kepulauan Sulawesi. Dalam sejarah Kerajaan Bone diceritakan seorang puteri Rajanya telah berkahwin dengan seorang pahlawan Sama-Bajau. Beliau kemudian telah dilantik sebagai Raja kerana Raja Bone dewasa itu tidak mempunyai waris lelaki (Mattulada 1995).



Sumbangan politik suku Sama-Bajau kepada kerajaan Melayu Bone juga berterusan sehingga zaman penaklukan penjajah Belanda ke atas Sulawesi. Sama-Bajau yang hidup di kawasan laut-pulau dan pesisir pantai itu telah bersatu bagi membantu kerajaan Bone mempertahankan wilayahnya daripada ditakluki kuasa Belanda, yang bermula pada awal tahun 1800. Sama-Bajau telah dipertanggungjawabkan untuk mempertahankan garis depan, iaitu pantai tempat pendaratan tentera Belanda. Walaupun akhirnya wilayah kerajaan Bone telah ditakluki sepenuhnya oleh penjajah Belanda pada awal tahun 1910, namun Sama-Bajau di Sulawesi Selatan tetap berbangga atas peranan politik mereka itu.

Kemunculan kesedaran politik Sama-Bajau di Malaysia terjelma dalam perkembangan struktur sosial di Sabah, yang bermula dari zaman peribumi, khususnya pada era Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu. Penguasaan mereka ke atas kawasan pesisir pantai dan sungai utama di bahagian pantai barat Sabah umpamanya, secara langsung ataupun tidak, membolehkan mereka menguasai laluan perhubungan yang strategik antara masyarakat luar dengan penduduk di kawasan pedalaman yang akhirnya telah menyumbang kepada kekuatan politik Sama-Bajau di negeri ini.

Pada abad ke-16, mereka telah memberi sumbangan besar ke atas pengaruh kesultanan Brunei di Borneo, dengan membenarkan wakil kerajaan Brunei yang bergelar pangeran mengasaskan pusat pentadbirannya di kawasan petempatan tradisional utama mereka seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1 di bawah ini:

JADUAL 1: Lokasi Pusat Pangeran Brunei Pantai Barat, Sabah.

| Bil. | Nama Tempat | Daerah |
|------|-------------------|---------------|
| 1 | Sungai Mangkabong | Tuaran |
| 2 | Sungai Kabatuan | Kota Kinabalu |
| 3 | Sungai Inanam | Kota Kinabalu |
| 4 | Sungai Putatan | Penampang |

(Sumber: Gusni 2003).

Akhirnya semua sungai petempatan tradisional utama Sama-Bajau ini telah menjadi pusat pentadbiran pangeran Brunei. Hubungan mereka dengan pangeran Brunei telah memberi kekuatan politik kepada suku peribumi menerusi pendedahan kepada sistem pemerintahan, menyandang jawatan pegawai pangeran dan status petempatan sebagai pusat bandar. Sama-Bajau juga berperanan penting menyebarkan produk moden seperti tekstil, peralatan pertanian serta makanan yang diimport dari luar kepada penduduk peribumi di pedalaman (Harrison 1972-73). Kebudayaan tekstil serta pakaian Sama-Bajau



seperti menenun kain, pakaian dasar, selendang dan kain telah diadaptasikan suku peribumi lain di pedalaman.

Dalam struktur sosial kolonial, politik Sama-Bajau terus mengalami kemerosotan akibat peralihan paksi kuasa politik daripada Brunei kepada kerajaan Syarikat Berpiagam Borneo Utara. Walaupun kedudukan politik Sama-Bajau di kalangan suku peribumi Sabah adalah setara, tetapi yang menentukan tingkat status sosial mereka dalam stratifikasi sosial Sabah ialah pencapaian ekonomi, penyertaan dalam perkhidmatan awam kolonial yang ditentukan status pendidikan akademik. Menyedari kehilangan kuasa politik itu, Sama-Bajau telah bersedia dilibatkan dalam sistem politik kerajaan Syarikat Berpiagam Borneo Utara menerusi sistem pentadbiran Anak Negeri (Warren 1972). Proses pembezaan sosial dalam sistem sosial kolonial diasaskan kepada kemajuan sosial, terutamanya ekonomi, pendidikan dan perjawatan.

Pada akhir era penjajahan Inggeris di Sabah, suku Sama-Bajau telah ketinggalan jauh di belakang beberapa suku peribumi seperti Kadazan/Dusun daripada segi pendidikan, ekonomi dan perjawatan. Mereka gagal mengakses arus perdana sosio-ekonomi dari segi ekonomi, pemilikan dan pendidikan. Dari segi pemilikan tanah misalnya, sistem pemilikan peribadi era kolonial banyak memberi manfaat kepada suku peribumi yang berasaskan tanah seperti Dusun dan bukannya suku Sama-Bajau yang tidak berasaskan ekonomi tanah pertanian.

Daripada segi pendidikan, golongan mubaligh Kristian yang menjadi penggerak utama sistem pendidikan moden ketika itu lebih tertumpu di kawasan peribumi bukan-Islam kerana mereka belum lagi memeluk agama samawi seperti Islam atau Kristian. Ini telah memberi kelebihan kepada beberapa suku peribumi bukan-Islam, terutamanya di kawasan pedalaman untuk mendapatkan pendidikan tinggi dan seterusnya memegang jawatan di jabatan kerajaan kolonial Inggeris, sehingga era merdeka.

IMPLIKASI POLITIK

Kesedaran politik kepartian di kalangan Sama-Bajau telah bermula pada akhir tahun 1950 di kawasan bandar atas beberapa sebab, seperti adanya gerakan organisasi yang menyokong reformasi Islam di Asia Barat dan adanya golongan berpendidikan. Golongan ini ialah suku Melayu Islam yang aktif dalam gerakan reformasi seperti Ikhwan Al-Muslimin. Mereka termasuk Yusuf Shamsuddin dari Hospital Jesselton, Othman bin Hj. Mohd. Sidek Melayu kelahiran Malaya dari Maktab Perguruan Kent, Zakaria Gunn Melayu Brunei dari Government Printing Office Jesselton dan Muhammad Edinin Kay berasal dari Labuan dari Forest Department Jesselton. Mereka kemudian disertai beberapa orang Melayu Brunei, seperti Awang Sahari dari Putatan, Hj. Mohd. Salleh dari Papar dan Hj. Suhaibun dari Weston.

Perkembangan politik Sabah era merdeka sebelum 1994 sentiasa dicorakkan dengan pergelutan kuasa pemerintahan yang paksinya sentiasa berubah-ubah, terutamanya pada zaman merdeka. Perubahan paksi kekuasaan ini bergerak antara dua kumpulan bumiputera Islam dan kumpulan bumiputera bukan-Islam. Kumpulan bumiputera Islam diterajui suku Sama-Bajau, sementara kumpulan bumiputera bukan-Islam diterajui suku Kadazan/Dusun.

Kesedaran politik moden di kalangan suku peribumi Sabah dikaitkan dengan tindak-balas mereka terhadap cadangan Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, tentang pembentukan sebuah gagasan negara baru yang melibatkan empat wilayah: Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Borneo Utara (Sabah), Brunei dan Sarawak. Di peringkat awal, kebanyakan penduduk suku peribumi bukan-Islam, termasuk etnik Cina tidak bersetuju dengan Sabah merdeka menerusi Malaysia kerana bimbang tentang dominasi orang Melayu. Di satu pihak suku peribumi Islam, termasuk Sama-Bajau, telah memberi sokongan padu ke atas penyertaan Sabah dalam gagasan negara baru yang dicadangkan itu. Perkembangan ini telah menjadi titik awal perpecahan politik peribumi mengikut garis agama dan diaspora etnik, iaitu bumiputera Islam/Melayu dan bumiputera bukan Islam/bukan Melayu.

Ternyata agama Islam dan etnik Melayu telah menjadi faktor penentuan sikap penduduk Sabah terhadap Malaysia (Ismail 1997; Mat Akib 2003). Peribumi Islam, seperti Sama-Bajau, Brunei, Iranun, Sungai, Bisaya dan Suluk, memberi sokongan kepada Sabah menyertai Malaysia atas prinsip bahawa orang Melayu mempunyai banyak persamaan kebudayaan dengan mereka. Kesedaran politik ini akhirnya telah menyatukan semua suku peribumi Islam ke dalam satu gerakan parti politik, United Sabah National Organization (USNO).

USNO bermula dengan beberapa buah organisasi bukan kerajaan yang bergerak secara terpisah-pisah di beberapa bandar utama di Sabah. Pada April 1961, Yusuf Shamsuddin, aktivis Sama-Bajau, telah mempelawa Datu Mustapha keturunan Suluk-Bajau dan seorang pemimpin lokal yang ternama ketika itu untuk memimpin Ikhwan Sabah. Sebelumnya Januari 1961, dua buah pertubuhan di Sandakan telah mempelawa Datu Mustapha untuk menjadi pemimpin mereka. Setelah Tengku Abdul Rahman mengumumkan rancangan untuk membentuk gagasan negara persekutuan pada Mei 1961, akhirnya Datu Mustapha telah menggabungkan semua organisasi ini bagi membentuk sebuah parti politik, iaitu United Sabah National Organization (USNO) pada Disember 1961. Sebelum itu, United Pasok-Kadazan Organization (UPKO) telah ditubuhkan Donald Stephens (Tun Fuad Stephens) yang mewakili suku peribumi bukan-Islam, termasuk Kadazan dan Murut. USNO secara politik telah menyatukan orang Muslim di Borneo Utara bagi menghadapi pembentukan sebuah negeri merdeka dalam persekutuan Malaysia.

USNO dari segi idea dan semangat adalah bayangan kepada United Malay National Organization (UMNO), parti politik orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu, kerana penubuhannya telah mendapat idea dan sokongan



daripada pemimpin UMNO, sehingga pada awalnya Tun Mustapha mencadangkan nama parti ini ialah UMNO. Walaupun demikian, USNO tidak menggunakan satu identiti tunggal bagi mengenali ahlinya, sebaliknya setiap suku etnik peribumi digalakkan menggunakan identiti suku masing-masing.

Kelahiran USNO pada tahun 1961 di Daerah Kudat mempunyai kaitan yang amat erat dengan Melayuisme suku peribumi Islam Sabah, khususnya Sama-Bajau yang membentuk suku peribumi kedua terbesar selepas suku Kadazan/Dusun dan suku peribumi Islam terbesar dalam kumpulan peribumi Islam (Gusni 2004). Beberapa perkembangan yang berlaku dalam politik Sabah seperti pergeseran antara USNO dengan UPKO dalam kerajaan Parti Perikatan sehingga 1973, konflik antara USNO dengan Parti Bersatu Rakyat Jelata (BERJAYA) antara tahun 1976 dan 1982 dan konflik antara USNO dengan Parti Bersatu Sabah (PBS) antara tahun 1982 dan 1992 adalah antara impak Melayuisme ke atas suku Sama-Bajau serta peribumi Islam yang akhirnya memperteguhkan politik Melayu. Tindakan Melayuisme ini termasuk konflik politik yang berpunca dari tindakan seperti menjadikan Islam sebagai agama rasmi Sabah, menubuhkan beberapa buah institusi Islam seperti United Sabah Islamic Association (USIA) dan Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) dan menggerakkan dakwah Islam di kalangan penduduk Sabah yang belum beragama.

Kemuncak Melayunisme Sama-Bajau dan bumiputera Islam di Sabah ialah pembubaran USNO pada tahun 1991/2 bagi memberi laluan kepada UMNO mengambil alih tempat USNO sebagai parti kaum peribumi Islam di Sabah.

KESIMPULAN

Sejarah sosial Sabah telah membuktikan bahawa perbezaan agama di kalangan suku peribumi yang berlainan tidak mereka permasalahan. Ikatan kekerabatan antara keluarga yang berlainan agama dan suku di Sabah telah wujud sejak era peribumi lagi dan kini prosesnya berterusan. Oleh itu, pada peringkat awam, interaksi, persaudaraan serta persahabatan di kalangan suku peribumi Islam dengan Kristian atau mereka yang beragama selainnya tetap utuh.

Namun daripada segi politik, pengaruh Melayuisme Sama-Bajau dan peribumi Islam ini lebih mendalam daripada perlembagaan Sabah, yang dengan jelas menggariskan pembahagian kuasa perundangan antara negeri dengan pusat. Dikatakan demikian kerana implikasi politik Melayuisme ini boleh mencorakkan semula perlembagaan Sabah. Dalam perlembagaan Sabah dan Malaysia disebut bahawa hak istimewa Sabah yang termaktub dalam perlembagaan tidak boleh dipinda oleh parlimen Malaysia, kecuali oleh Dewan Undangan Negeri dengan diperkenan Yang DiPertua Negeri Sabah. Soalnya apabila ahli Dewan Undangan Sabah telah dikuasai perwakilan yang berjiwa Melayuisme, apakah mungkin mereka melakukan pindaan ke atas perlembagaan Sabah? Kontradiksi

Melayuisme peribumi dengan apa yang disifatkan dalam perlembagaan Malaysia sebagai jaminan perlindungan hak Sabah akan terus mewarnai percaturan politik Sabah pada masa akan datang.

RUJUKAN

- Abu Bakar Hamzah. 1995. Some Historical Accounts on the Sulu/Brunei Sultanate and the Bajau community. A paper International Conference on Bajau/Sama Community Bajau (Progress Through The Ages), Kota Kinabalu, Sabah, Jun 24-28.
- Gusni Saat. 2003. *Samah-Bajau di Bandar*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- _____. 2004. *Peribumi Teluk Sapanggar*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- _____. 2007. Menyelami Kehidupan Bajo di Sulawesi Selatan, Indonesia. Kertas Siri Seminar IKMAS, UKM, 22 Februari.
- Harrison, Tom. 1976. The Bajau: Their Origins and Wide Importance. *Sabah Society Journal* 6 (1): 38-41.
- Ismail Yusoff. 2004. *Politik dan Agama di Sabah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mat Zin Mat Akib. 2003. Kristian di Sabah 1881-1994. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia..
- Mattulada, H.A. 1995. The Bajau (Bajo) of South Sulawesi and other Eastern Islands of Indonesia. A paper at *International Conference on Bajau/Sama Community Bajau (Progress Through The Ages)*, Kota Kinabalu, Sabah, Jun 24-28.
- Mohd. Taib Osman. 1988. *Kebudayaan Melayu dalam Beberapa Persoalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sabihah Osman. 1985. *Pentadbiran Bumiputera Sabah 1881-1941. Kajian Etnografi Sabah jilid 9*. Bangi: UKM-Yayasan Sabah.
- Saleeby, Najeed M. 1905. *Studies in Moro History, Law and Religion*. Manila: Bureau of Public Printing.
- Sweeney, Amin. 1967. Silsilah Raja-Raja Brunei. *JMBRAS* 41(1): 1-128.
- Warren, James F. 1972. The North Borneo Chartered Company's Administration of the Bajau, 1878-1909. *Sabah Society Journal*, 5 (4) 39:1-82.

Gusni Saat, Ph D
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Bangi, Selangor

Emel: sapangar@pkrisc.cc.ukm.my